



PINDAH...
penduduk
Taman Sri
Mulong
dibawa
ke pusat
pemindahan
banjir
sementara.

Tiga daerah kembali bah

KOTA BHARU: Tiga jajahan di negeri ini kembali dilanda banjir apabila paras air Sungai Golok di Rantau Panjang dilaporkan mencecah paras bahaya 9.43 meter berikutan hujan lebat berterusan di seluruh kawasan pantai dan hulu negeri ini sejak kelmarin.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Abu Bakar Mohd Yusof berkata, tiga daerah iaitu Tumpat, Pasir Mas dan Tanah Merah kembali dilanda banjir berikutan limpahan air Sungai Golok yang kini pada paras melebihi bahaya.

Katanya, sehingga jam 6 petang semalam, paras air Sungai Kelantan di Dabong setinggi 32.93 meter, melebihi tahap waspada (32 meter); Sungai Kelantan di Kampung Tualang 27.69 meter (27 meter), Sungai Kelantan di Kuala Krai 20.60 meter (20 meter); Sungai Kelantan di Tanah Merah 12.94 meter (12 meter).

"Paras air di Tambatan Diraja Kota Bharu juga hingga kini 3.12 meter iaitu melebihi waspada (3 meter) dan Sungai Golok di Jenob, Pasir Mas 23.1 meter (amaran 22.5 meter) manakala Sungai Golok di Rantau Panjang kini terus meningkat kepada 9.63 meter berbanding bahaya, 9 meter," katanya.

Menurutnya, berdasarkan taburan hujan pula, 13 mesin telemetrik di tempat menyukat hujan merekodkan kelebatan antara dua hingga 13 milimeter di seluruh kawasan pantai dan hulu Kelantan.

"Saya harap penduduk di kawasan rendah berpindah jika diarah pihak berkuasa bagi mengelak kejadian buruk," katanya.

Katanya, pihaknya membuka bilik gerakan hidrologi mulai jam 8 pagi semalam bagi memantau paras air dan akan memaklumkan dari semasa ke semasa melalui maklumat banjir untuk panduan penduduk.